Dana BNM untuk PKS

Kemudahan Bantuan Bencana

Soalan Lazim Umum

Kemudahan Bantuan Bencana (*Disaster Relief Facility*, DRF)		
No.	**Soalan**	**Jawapan**
1.	Apakah itu DRF?	Kemudahan Bantuan Bencana (Disaster Relief Facility, DRF) merupakan kemudahan pembiayaan yang ditubuhkan oleh BNM bagi meringankan beban kewangan PKS dan perusahaan mikro yang terjejas akibat banjir di seluruh negara baru-baru ini, untuk membolehkan mereka meneruskan operasi perniagaan mereka. Pembiayaan DRF bertujuan untuk: • Membaiki dan/atau menggantikan aset untuk kegunaan perniagaan (cth. loji dan mesin) yang telah rosak akibat banjir; dan/atau • Modal kerja Nota: Pembiayaan tidak seharusnya digunakan untuk membiayai semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada
2.	Siapakah yang layak memohon DRF?	PKS[1] dan perusahaan mikro yang terjejas akibat banjir, yang terletak di daerah yang dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai kawasan bencana banjir. Nota: PKS dan perusahaan mikro boleh mendapatkan maklumat daripada Portal Bencana yang dikendalikan oleh NADMA melalui https://portalbencana.nadma.gov.my/ms/informasi-bencana
3.	Berapakah jumlah pembiayaan maksimum dan tempoh pegangan bagi PKS dan perusahaan mikro di bawah DRF?	• PKS dan perusahaan mikro yang layak boleh mendapatkan pembiayaan hingga RM700,000 bagi setiap PKS dan hingga RM150,000 bagi setiap perusahaan mikro • Tempoh pembiayaan hingga 7 tahun, termasuk tempoh moratorium selama 6 bulan ke atas bayaran pokok dan faedah/keuntungan
4.	Berapakah kadar pembiayaannya?	Kadar pembiayaan efektif maksimum ialah 3.50% setahun termasuk fi jaminan
5.	Bank manakah yang PKS dan perusahaan mikro boleh	Perniagaan yang terjejas boleh memohon pembiayaan daripada institusi kewangan peserta yang terdiri daripada bank

[1] Sekurang-kurangnya 51% saham dipegang oleh rakyat Malaysia dan seperti yang ditakrifkan oleh Garis Panduan bagi Definisi PKS yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia. Garis panduan ini boleh diakses melalui https://www.smecorp.gov.my/images/pdf/2020/Garis_Panduan_DefiinsiPKS_dikemaskini.pdf

	memohon untuk mendapatkan pembiayaan di bawah DRF?	perdagangan, bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia oleh BNM
6.	Bagaimanakah PKS dan perusahaan mikro boleh mendapatkan maklumat bahawa mereka layak memohon pembiayaan di bawah DRF?	PKS dan perusahaan mikro yang layak dinasihati supaya menghubungi institusi kewangan peserta untuk memastikan kelayakan mereka di bawah kemudahan ini. Semua permohonan untuk pembiayaan adalah tertakluk pada penilaian oleh institusi kewangan peserta
7.	Berapa lamakah masa yang diambil oleh institusi kewangan peserta untuk meluluskan permohonan?	Institusi kewangan peserta akan memproses permohonan dalam tempoh 14 hari selepas menerima dokumen lengkap daripada pemohon.
8.	Adakah PKS atau perusahaan mikro perlu menyediakan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah DRF?	Tidak. Cagaran TIDAK diperlukan di bawah DRF.
9.	Apakah yang perlu dilakukan oleh PKS atau perusahaan mikro jika permohonan untuk mendapatkan pembiayaan di bawah kemudahan ini ditolak institusi kewangan peserta?	Jika permohonan ditolak, PKS atau perusahaan mikro dinasihati supaya melakukan perkara-perkara yang berikut: a) Dapatkan penjelasan daripada institusi kewangan peserta tentang sebab-sebab permohonan mereka ditolak; b) Dapatkan khidmat nasihat pembiayaan melalui MyKNP (Khidmat Nasihat Pembiayaan) yang menyediakan bantuan khidmat nasihat dan panduan untuk meningkatkan kelayakan bagi pembiayaan pada masa hadapan dan sumber pembiayaan alternatif (www.myknp.com.my); atau c) Hubungi BNM eLINK di https://bnmlink.bnm.gov.my untuk bantuan tambahan
10.	Bilakah DRF akan disediakan?	Kemudahan ini akan disediakan mulai 27 Disember 2021 sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya (atau tertakluk kepada keputusan selanjutnya oleh BNM)

Bank Negara Malaysia D

ikemas kini pada 17 July 2023